

BERITA HARIAN

DATE: 06 / 08 / 2007

'Kita kekal jadi panduan'

B EKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira dengan kehadiran pemimpin asing ke sini, untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 tahun ini.

"Mereka masih memandang ke arah Malaysia untuk mendapatkan panduan dan mempelajari pengalamannya mengenai pembangunan masing-masing dan disebabkan itu saya sangat gembira bahawa dialog itu diadakan (untuk kali kelapan)," katanya.

Dr Mahathir ditemui di 'The Loaf' sebuah bakeri dan bistro gaya hidup yang diusahakannya dengan seorang rakan di Telaga Harbour Park, di sini, semalam.

Ketika diminta mengulas mengenai sesetengah negara yang berkedudukan sumber kewangan yang lebih baik mencurahkan wang bagi pembangunan Afrika, katanya, Malaysia tidak mempunyai banyak wang tetapi boleh membantu mengikut kemampuan.

Dr Mahathir juga menyifatkan tema LID tahun ini sebagai sesuai kerana ia akan menangani isu yang dihadapi dalam cabaran pembangunan insan, yang berhubung kait rapat dengan cabaran keamanan, keselamatan serta alam sekitar. - Bernama